

CNS3334

R GB 12-11 00227 BA558

aab

MASALAH SPRATLY MESTI DISELESAI SECARA RUNDINGAN, KATA PM

KUALA LUMPUR , 12 Nov (Bernama) --- Malaysia berpegang kepada persetujuan untuk menyelesaikan isu Kepulauan Spratly secara rundingan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

+Kalau dah masuk campurtangan Amerika; saya inyat ini bukan soal rundingan,+ katanya kepada pemberita selepas merasmikan fasa I dan pelancaran fasa II kompleks kilang kertas Genting Sanyen (Malaysia) Sdn Bhd di sini hari ini.

Akhbar hari ini melaporkan Setiausaha Rendah Hubungan Luar Tomas Syquia sebagai berkata Amerika Syarikat bertanggungjawab mempertahankan Filipina jika wilayah yang dituntut oleh Manila di Kepulauan Spratly diserang.

Dr Mahathir berkata beliau, bagaimanapun, tidak pasti sama ada kenyataan itu benar atau tidak.

Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, ketika mengulas perkara itu, pula berkata apa juga tindakan yang dibuat oleh Amerika, Syarikat perlu mematuhi prinsip yang terkandung dalam Perisytiharan ASEAN mengenai Laut China Selatan pada mesyuarat Menteri Luar ASEAN di Manila baru-baru ini.

Menurut pernyataan itu, telah dipersetujui bahawa apa jua perselisihan mengenai Kepulauan Spratly mesti diselesaikan secara rundingan, katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan Menteri Luar Chile Enrique Silva Cimma di pejabatnya di sini.

Abdullah berkata ini adalah prinsip penting yang Malaysia harap dipatuhi oleh mana-mana negara yang ingin memainkan peranan dalam mencari penyelesaian berhubung dengan isu kepulauan itu. -- Bernama.

♥12/11/20-01MST